

BAHASA MELAYU KELANTAN oleh Nik Safiah Haji Abdul Karim & Rozita Che Rodi. Terbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. 2016. ISBN 978-983-2391-24-1.

Buku *Bahasa Melayu Kelantan* merupakan sebuah buku yang dibina hasil cetusan idea daripada Yang Teramat Mulai Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra ibni Sultan Ismail Petra, selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Baginda telah menitahkan agar diusahakan pengkajian dan penerbitan tentang adat istiadat Melayu Kelantan termasuk Adat Istiadat Di Raja Kelantan serta adat budaya masyarakat Melayu Kelantan.

Penulis buku ini ialah Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Hj. Abdul Karim merupakan mantan Professor Pengajian Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Penulis merupakan pakar dalam bidang Bahasa Melayu dan telah menghasilkan lebih daripada 30 buah buku, ratusan makalah dan kertas kerja mengenai ilmu bahasa serta pengajian wanita. Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan dalam pentadbiran termasuk pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka serta Ahli Lembaga Amanah Yayasan Karyawan. Beliau juga telah mendapat anugerah Tokoh Akademik Negara.

Penulis kedua buku ini ialah Dr. Rozita Che Rodi. Beliau ialah Pensyarah Kanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang bahasa, budaya, dan pemikiran dalam peradaban Melayu. Beliau masih lagi aktif dalam bidang penulisan dan penyelidikan walaupun telah memenangi pelbagai anugerah dan hadiah di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

Buku ini menceritakan tentang pengenalan umum bahasa Melayu Kelantan yang merangkumi aspek konsep loghat, loghat Melayu Kelantan, iaitu penutur, perbezaan bahasa Melayu Kelantan, bahasa Melayu baku, kehadiran perkataan khusus, perbezaan sistem sebutan dan perkataan dengan perbezaan makna, serta ciri-ciri eksklusif loghat Melayu Kelantan iaitu; perkataan dan ungkapan, sistem bunyi, unsur konsonan yang dipanjangkan, unsur penguat, unsur penyengauan, kata pinjaman bahasa Inggeris, dan kata ganti nama diri. Bahagian kedua pula, penulis menyenaraikan perkataan dan ungkapan eksklusif loghat Melayu Kelantan yang merangkumi lambang, sebutan, cara huraihan, dan senarainya.

Buku ini menghuraikan secara ringkas berkenaan dengan definisi loghat dan seterusnya memberikan definisi terhadap loghat atau dialek Kelantan. Loghat atau dialek didefinisikan sebagai ragam atau variasi daripada satu bahasa yang sama yang boleh dibezakan melalui ciri-ciri sebutan, kosa kata dan tatabahasa. Loghat berkembang daripada bahasa yang pada asalnya adalah seragam tetapi lama-kelamaan mengalami perubahan dan perubahan ini berlaku disebabkan oleh banyak faktor.

Pada bahagian ini juga turut disentuh berkenaan perbezaan bahasa Melayu baku dengan bahasa Melayu Kelantan. Penulis menggambarkan Bahasa Melayu baku yang merujuk kepada bahasa yang teratur daripada pelbagai aspeknya seperti ejaan, bentuk kata dan tatabahasa. Ini diterima oleh masyarakat sebagai norma penggunaan yang betul dan sahih. Bahasa Melayu Kelantan merupakan salah satu daripada loghat Melayu yang sifatnya amat berbeza jika dibandingkan dengan loghat-loghat lain seperti loghat Johor, loghat Kedah-Pulau Pinang, dan loghat Perak.

Antara ciri-ciri yang dippunyai oleh loghat Kelantan dan tidak terdapat di dalam loghat-loghat lain adalah kehadiran perkataan-perkataan yang mempunyai makna tersendiri dan berlainan sifatnya. Penutur loghat lain tidak memahami maksud perkataan-perkataan tersebut yang menjadikan perhubungan antara penutur loghat Kelantan dengan penutur loghat lain terganggu.

Penulis juga memperlihat loghat Kelantan mempunyai cara sebutannya yang tersendiri yang membezakannya daripada loghat-loghat lain dan juga bahasa Melayu baku. Salah satu ciri yang dapat dilihat adalah kehadiran bunyi konsonan di akhir perkataan. Dalam loghat Kelantan terdapat tiga konsonan yang hadir di akhir perkataan berbanding dengan loghat-loghat lain. Tiga konsonan tersebut adalah ‘*h*’, ‘*ng*’ dan ‘*hentian glotis*’ yang ditandai dengan lambang [?].

Perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu baku dan beberapa loghat berakhir dengan konsonan seperti *l* dalam perkataan *kapal*, *r* dalam perkataan *dapur*, *s* dalam perkataan *batas*, *p* dalam *sedap*, *m* dalam *malam*, dan *n* dalam perkataan *hujan*. Keadaan ini sedikit berbeza dalam loghat Kelantan yang mempunyai sebutannya yang tersendiri. Contohnya huruf *l* digugurkan dalam perkataan *kapal* yang menjadi *kapa*, *pukul* menjadi *puko*, *dapur* menjadi *dapo*, *batas* menjadi *batah*, *habis* menjadi *habih*, *kapit* menjadi *cape?*, *malam* menjadi *male*, *masam* menjadi *mase*, *hujan* menjadi *huje*, *makan* menjadi *make*, dan *tulang* menjadi *tule*. Perbezaan di dalam sistem sebutan akan membawa kepada perbezaan di dalam cara menghasilkan sebutan dan perkataan tertentu.

Selain itu, salah satu keistimewaan loghat Kelantan ialah kehadiran, dengan banyaknya, perkataan dan ungkapan khusus atau eksklusif, iaitu bukan hanya berbeza sebutannya tetapi juga luar biasa dari segi makna yang dibawanya. Keadaan ini kadang kali menjadikan bahasa Melayu Kelantan berasa janggal dan sukar difahami oleh penutur daripada loghat bahasa Melayu yang lain. Terdapat 15 istilah Kelantan khusus yang dipilih antaranya adalah tipe ‘memukul’, wa ‘layang-layang’, periye ‘musim’, ok ‘sabar’, dan jok’ong ‘redup tentang cuaca’. Perkataan-perkataan ini adalah antara sebutan yang masih digunakan oleh masyarakat Kelantan sehingga hari ini walaupun sesetengah pihak menganggap sebutan dan perkataan ini agak pelik atau janggal.

Bahasa Melayu Kelantan turut mempunyai sistem bunyinya yang tersendiri yang tidak sama dengan bahasa Melayu baku ataupun loghat yang lain. Dialek bahasa Melayu Kelantan hanya membenarkan kehadiran tiga konsonan iaitu *h*, *ng*, dan (*glottal*). Manakala bagi huruf vokal pula, terdapat perubahan yang berlaku pada bunyi ‘*a*’ dan ‘*o*’ dalam kedudukan tertentu yang akan berubah menjadi ‘*c terbalik*’. Masyarakat Kelantan yang menggunakan bahasa baku akan tetap menuturkan bahasa Melayu standard dengan menggunakan lenggok sebutan dialek Melayu Kelantan.

Bab seterusnya mempersempahkan perkataan dan ungkapan ekslusif yang hanya terdapat dalam bahasa Melayu Kelantan dan tidak terdapat dalam dialek lain mahupun dalam bahasa Melayu baku. Penguraian bagi loghat Kelantan yang diuraikan secara ringkas dan diberikan contoh penggunaanya di dalam ayat bahasa Melayu Kelantan dan bahasa Melayu standard. Terdapat sebanyak 1093 patah perkataan dan ungkapan ekslusif yang terkandung di dalam buku ini.

Pada hakikatnya, bahasa Melayu Kelantan mempunyai kosa kata yang cukup banyak dan memiliki gelarannya sendiri iaitu dialek Kelantan. Dialek Kelantan boleh berdiri sendiri tanpa bantuan daripada dialek atau bahasa lain. Ungkapan ini hanyalah dalam bahasa Melayu Kelantan dan tidak tercampur dengan bahasa Melayu standard atau dialek-dialek lain. Walaupun bahasa Melayu rasmi tidak dimasukkan di dalam buku ini, namun terdapat bahasa Melayu rasmi yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu Kelantan dan disesuaikan sebutannya dengan sebutan menurut bahasa Melayu dialek Kelantan. Keadaan ini terjadi akibat daripada peminjaman dan proses asimilasi daripada bahasa luar seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Kemasukan bahasa Arab dan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu Kelantan adalah akibat daripada pergerakan penduduk sama ada penggerakan keluar iaitu penduduk negeri Kelantan keluar ke negara Arab untuk tujuan menuntut ilmu ataupun akibat daripada kedatangan orang Arab ke negeri Kelantan untuk menyebarkan agama Islam atau tujuan perdagangan.

Antara contoh bahasa Melayu Kelantan yang ekslusif adalah *gong* (dungu/kurang siuman); *maknga* (cuai); dan *koho* (perlahan). Susunan dialek Kelantan yang diletakkan di dalam buku ini adalah dengan menggunakan susunan abjad dan diikuti dengan kehadiran vokal. Manakala dari segi lambang pula, menggunakan lambang *International Phonetic Alphabet* (IPA). IPA adalah sebutan yang digunakan seluruh dunia bagi bahasa-bahasa di dunia. Antara kaedah sebutan yang digunakan adalah letusan, letusan, geseran, sengau, getaran, sisian, dan separuh vokal. Sebutan terbahagi kepada dua iaitu sama ada bersuara atau tidak bersuara. Buku ini menggunakan sebutan cara Kota Bharu sebagai asas dalam mengeja perkataan-perkataan yang tersenarai.

Terdapat beberapa cara huraihan kata dalam buku ini antaranya dengan menggunakan entri yang dicetak dengan menggunakan huruf tebal yang sesuai dan diikuti oleh variasi-variasinya, sekiranya ada. Contohnya; *aju*; *mengaju*; *ngngaju*. Cara kedua adalah dengan kata entri yang diikuti oleh maklumat tentang golongan kata, yang diberikan tanda kurungan (). Contohnya: *adek kakok* (KN). Kependekan golongan kata ada 11 iaitu, kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (KA), kata bantu (KB), kata adverba (KAdv), kata penguat (KP), kata hubung (KH), kata penegas (Kpen), kata ganti nama (KGN), kata tanya (KT), dan frasa adjektif (FA). Maklumat berkenaan dengan golongan kata diikuti dengan huraihan makna kata entri berkenaan.

Penulis membawa kesimpulan daripada makna diberikan secara ringkas sekadar untuk menyampaikan padanan yang akan diikuti dengan contoh dalam dialek Kelantan yang ditulis dengan menggunakan huruf condong. Selain ditulis dengan menggunakan huruf condong, makna juga diberikan dalam dua atau tiga patah perkataan. Contohnya: *belawok* (KK) berdusta, berbohong. Terdapat juga dua jenis entri yang sama atau lebih yang menghuraikan satu persatu dan dipisahkan oleh tanda baca koma bertitik (;). Contohnya dalam perkataan *belana* (KA); *belana kokna*, yang membawa maksud sangat banyak. Cara keenam pula ialah dua entri yang sama ejaan dan sebutannya tetapi berlainan makna disenaraikan satu persatu dan diberi tanda I, II, dan seterusnya. Manakala yang terakhir pula dengan cara rujuk silang yang ditandai dengan anak panah.

Penelitian terhadap buku ini mendapati buku ini amat bagus dan perlu dimiliki, khasnya oleh pelajar dan ahli akademik dalam bidang linguistik Bahasa Melayu. Ini berikutan penulis menerangkan struktur bahasa Melayu Kelantan dengan terperinci serta mudah untuk difahami. Selain itu, senarai perkataan yang disusun mengikut abjad dapat memberi input yang penting kepada pembaca. Susun atur penulisan yang sistematik memudahkan pembacaan dan menjadikan buku ini menarik. Penerangan dan perincian linguistik bahasa Melayu Kelantan amat baik serta sesuai dijadikan buku silibus pengajian bagi institusi pengajian tinggi awam atau swasta dalam memahami kaedah linguistik bahasa Melayu. Justeru, buku ini wajar dimiliki oleh semua pengkaji bahasa Melayu atau individu yang baru ingin mendalami bidang ini.

Buku ini juga akan dapat menarik bukan sahaja bagi masyarakat negeri Kelantan malah turut dapat menarik minat penduduk luar untuk mempelajari loghat Kelantan yang unik dan indah untuk didengar. Penduduk luar negeri Kelantan yang tidak menguasai loghat Kelantan akan dapat mempelajari istilah-istilah khusus dalam Bahasa Melayu Kelantan sebanyak 1093 perkataan dalam 100 muka surat.

Secara keseluruhannya, penulisan ini adalah sangat baik dalam memberi penerangan berkaitan dengan loghat Kelantan secara umumnya, tetapi terdapat beberapa perkara yang mungkin boleh ditambah baik bagi mencantikkan lagi penulisan ini. Antaranya ialah susunan buku. Buku ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menceritakan tentang latar belakang, unsur dan sistem bahasa Melayu Kelantan. Manakala bahagian kedua pula menerangkan istilah-istilah khusus bahasa Melayu Kelantan.

Penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah membahagikan buku ini kepada tiga bahagian agar lebih terperinci dan menarik. Bahagian pertama menceritakan tentang latar belakang bahasa Melayu Kelantan daripada segi sejarahnya dan perbezaan dialek di daerah-daerah seluruh Kelantan. Manakala bahagian kedua menerangkan unsur dan sistem dan sistem bahasa Melayu Kelantan. Bahagian akhir pula penulis menyenaraikan semua istilah khas bahasa Melayu Kelantan khususnya dialek Kota Bharu.

Pemulis juga boleh menambah baik buku ini dengan memasukkan tajuk yang berkaitan dengan warisan. Bertepatan dengan tema buku ini ‘Menggali Ilmu Menyusur Warisan’. Pengulas mencadangkan untuk menambahkan informasi tentang sejarah, tamadun dan adat bahasa Melayu secara ringkas negeri Kelantan yang berkait rapat di bahagian pertama buku ini. Tujuannya agar pembaca dan pengkaji bukan penduduk Kelantan dapat menghubung kaitkan bahasa Melayu Kelantan dan latar belakang negeri Kelantan.

Penulis telah menyenaraikan kosa kata pinjaman bahasa Inggeris dalam buku ini. Walau bagaimanapun, penulis boleh juga menyenaraikan kosa kata pinjaman bahasa Arab yang lebih banyak kerana berlakunya peminjaman dan proses asimilasi daripada bahasa Arab.

Pengulas juga mencadangkan agar ditunjukkan secara ringkas perbezaan dialek di daerah-daerah seluruh Kelantan, pengaruh masyarakat berhampiran kawasan di negeri Kelantan menjadikan perubahan dialek di daerah-daerah tersebut. Sebagai contoh, dialek Kelantan yang digunakan di kawasan utara negeri Kelantan seperti daerah Tumpat, dialek bahasa Melayu lebih ke arah

Thailand kerana merupakan sempadan negeri Thailand memiliki sedikit perbezaan dan pengaruh daripada Selatan Thai. Berbeza pula dengan dialek Kelantan yang digunakan di kawasan Selatan Negeri Kelantan iaitu Gua Musang dan kawasan sekitarnya mempunyai kelainannya yang tersendiri akibat daripada pengaruh daripada bahasa orang Asli. Manakala dialek Kelantan yang digunakan di ibu negeri Kelantan iaitu Kota Bharu pula adalah lebih dan dikatakan standard berbanding dengan dialek Kelantan yang dituturkan di kawasan-kawasan lain di negeri Kelantan.

Akhir sekali, indeks merupakan daftar kata penting menurut abjad berserta nombor halaman terdapatnya perkataan yang biasanya diletakkan di bahagian akhir dan merupakan sesuatu yang penting bagi setiap buku. Justeru, pengulas berpendapat buku ini lebih baik jika mempunyai indeks untuk memudahkan pencarian kosa kata dan perkataan dalam buku.

Riduan Makhtar

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan (JKPK)

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor